

Markas Syiah diserbu Jais

Silver 29/9/14 MS4

FOTO: ZULFADHLI ZAKI

KRONOLOGI

SERBUAN SYIAH

16 Disember 2010

Dalam serbuan Jais, seramai 200 pengikut terdiri daripada lelaki dan perempuan termasuk kanak-kanak sedang khuyuk berselawat dan mendengar khutbah daripada seorang lelaki warga Iran. Kumpulan yang ditahan di sebuah rumah kedai di Taman Sri Gombak, Batu Caves.

26 Ogos 2011

Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim), menyerbu sebuah rumah di Taman Paya Dalam yang dipercayai menjadi markas sebuah kumpulan penganut fahaman Syiah. Dalam serbuan itu, sejumlah 35,000 buku dan risalah mengenai fahaman Syiah yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri ditemui di rumah tersebut.

19 Jun 2013

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), mengesan kumpulan dipercayai pengikut fahaman Syiah yang bergerak aktif mengamalkan ajaran mereka di sebuah markas di Klang.

6 Ogos 2013

Jabatan Agama Islam Perak (Jaipk) menahan dua individu, termasuk seorang doktor wanita, di Kamunting, Taiping kerana terlibat dengan fahaman serta ajaran Syiah.



Shahrom menunjukkan bahan rampasan ketika serbuan ke atas markas penganut ajaran Syiah di Taman Sri Gombak, kelmarin.



Seorang pegawai Jais meneliti artikel yang ditinggalkan ketika serbuan di markas penganut ajaran Syiah itu.

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

GOMBAK - Sebuah markas Syiah di Sri Gombak diserbu penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), malam kelmarin.

Namun, serbuan yang dibuat kira-kira jam 11 malam itu gagal menahan pengikut Syiah, seolah-olah mereka sudah 'menghidu' kehadiran Jais.

Sebelum memasuki markas berkenaan, pihak Jais mengambil masa kira-kira 10 minit untuk memecahkan pintu besi bangunan itu kerana ia dikunci.

Penolong Pengarah Seksyen Perundangan dan Kesalahan Jais, Mohd Shahrom Maarof berkata, pihaknya membuat serbuan berdasarkan maklumat orang awam dan risikan.

"Ini kali ketiga kami membuat serbuan ke atas markas ini dan kami berjaya merampas beberapa buku berkaitan ajaran ini," katanya pada sidang media selepas serbuan tersebut.

Beliau berkata, terdapat beberapa buku baru ditemui dalam serbuan kali ini.

Mohd Shahrom berkata, turut dirampas dalam operasi itu adalah rangka kertas kerja yang

dibuat pengikut ajaran berkenaan di sebuah universiti tempatan.

Ditanya mengenai isi kandungan kertas kerja tersebut, katanya, pihaknya masih lagi menjalankan siasatan lanjut.

Beliau berkata, semua barang yang dirampas akan dibawa ke ibu pejabat Jais untuk siasatan lanjut manakala premis berkenaan akan disita oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kes ini akan disiasat di bawah Seksyen 12C Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 kerana melanggar fatwa," katanya.

Pengikut Syiah rancang kuasai jabatan agama

PUTRAJAYA - Pengikut Syiah di negara ini dikesan mempunyai perancangan untuk menguasai jabatan agama Islam.

Bagi merealisasikan rancangan itu, pengikut Syiah mendaftarkan anak mereka ke dalam akademik berteraskan Islam dalam usaha jangka panjang menguasai jabatan itu.

Ketua Unit Kajian Syiah Ikatan Muslimin Malaysia (Isma), Mohamad Ismail mendakwa, dalam tempoh 10 tahun, anak pengikut Syiah kemudiannya akan memohon sebarang jawatan di dalam jabatan agama Islam.

"Apabila sudah memperoleh jawatan, tugas mereka seterusnya akan cuba mengubah polisi keagamaan dalam jabatan tersebut.

"Mereka kemudiannya akan menimbulkan isu seperti isu mazhab untuk melagakan para ulama dan pemimpin," katanya ketika berucap dalam

dialog Umat Melayu dalam Menghadapi Konspirasi dan Agenda Asing di Dewan Sri Semantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, semalam.

Majlis anjuran Ikatan Muslim Malaysia (Isma) dan Persatuan Belia Islam Nasional (Pembina) itu, turut dihadiri empat ahli panel lain iaitu Penulis dan Pengkaji Sejarah Persatuan Arkeologi Malaysia, Zaharah Sulaiman; Ketua Pegawai Eksekutif Maljisi Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu (MTEM), Mohd Nizam Mahshar; Penganalisis Muslim Moderat dan Projek PengAmerikaan, Mohd Hazizi Ab Rahman dan Pengkaji Ilmu Perbandingan Antara Agama, Shaharuzzaman Bistamam.

Mohamad berkata, langkah pengikut Syiah itu sudah terjadi dan terbukti berkesan di Lubnan dan Iraq di mana dua negara tersebut kini sudah dikuasai oleh fahaman Syiah.

"Langkah itu yang mereka cuba lakukan di negara kita. Dua negara itu dijadikan rujukan.

"Apabila mereka berjaya melagakan pemimpin dan ulama, mereka seterusnya akan menimbulkan rusuhan supaya mereka akan dapat menguasai negara, sama seperti Lubnan dan Iraq" katanya.

Selain itu Mohamad mendakwa, hampir 250 buah syarikat yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah milik orang Iran.

"Tujuan mereka tetap sama iaitu menyebarkan fahaman Syiah melalui syarikat yang mungkin akan berurusan dengan agensi-agensi kerajaan," katanya.

Dalam membanteras penyebaran fahaman Syiah ini Mohamad berkata, agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) dan polis



FOTO: AZMI ARYANTO

Naib Presiden 1 Isma, Fauzi Asmuni (tiga, kiri) menyampaikan cenderahati kepada ahli panel, Mohd Nizar, Mohamad, Shaharuzzaman, Zaharah dan Mohd Hafzi.

harus berusaha di mana perlu kerap melakukan operasi bersepadu dalam usaha menyekat usaha pengikut Syiah di negara ini.

"Kita tidak mahu, bila sudah parah baru hendak bertindak. Syiah ini merupakan ancaman kepada negara. Akidah, kemasyarakatan, poli-

tik dan keselamatan negara sedang tergugat dengan kehadiran syiah," katanya.

Mohamad turut tidak menafikan kemungkinan wujud 'tangan-tangan ghaib' dalam jabatan agama Islam sehingga menyebabkan kelewatan dalam usaha membanteras penyebaran Syiah.

"Saya bukan hendak menuduh kerana apabila kita mendakwa di mahkamah, kita perlu kemukakan bukti. Tetapi kemungkinan itu tetap ada.

"Tidak mudah untuk kita membuktikan seseorang itu merupakan pengikut Syiah kerana mereka mengambil pendekatan taqqiyah," katanya.